



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
CAWANGAN KENINGAU**

Tingkat 2, Rumah Persekutuan,
Beg Berkunci No.5
89008 Keningau,
Sabah

Tel : 087 - 331 245 / 339 960
Faks : 087 - 330 449
Laman Web : www.anm.gov.my/index.php/utama-keningau



Rujukan kami : JANM.KNGAU.600-15/3/1 (5)

Tarikh : 01 April 2021

Ketua Jabatan
Semua Pusat Tanggungjawab
Daerah Keningau, Tenom, Tambunan dan Nabawan

Tuan,

**KEPERLUAN MAKLUMAT TAMBAHAN BAGI MENYOKONG PERMOHONAN PEMBUKAAN
AKAUN BANK KERAJAAN PERSEKUTUAN**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada surat daripada Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat & Agensi, Jabatan Akauntan Negara Malaysia dengan rujukan : JANM.BPOPA.600-8/1/1 Jld.3(34) bertarikh 31 Mac 2021 mengenai perkara yang tersebut di atas.

2. Selaras dengan keperluan *compliance* terkini di peringkat bank, dimaklumkan bahawa terdapat maklumat tambahan yang perlu dikemukakan oleh Kementerian/Jabatan bagi permohonan pembukaan akaun bank Kerajaan Persekutuan seperti di **Lampiran 1**. Lain-lain maklumat dan dokumen sokongan sepertimana Prosedur Operasi Standard sedia ada masih perlu dikemukakan bersama-sama dengan *template* Maklumat Dua (2) Pegawai Yang Akan Mengendalikan Akaun Bank.

3. Sehubungan dengan itu, mohon kerjasama pihak tuan untuk mengambil maklum tentang perkara ini bagi melancarkan permohonan pembukaan akaun bank. Pelaksanaan perkara ini adalah berkuatkuasa pada **1 April 2021**.

Perhatian dan kerjasama pihak tuan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul”

Saya yang menjalankan amanah,

(**MIRNAWATI BINTI SYARIPUDDIN** C.A (M), CPA (Aust.))

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia,
Cawangan Keningau

ms/

Template Maklumat Dua (2) Pegawai Yang Akan Mengendalikan Akaun Bank

(i) Maklumat Pegawai Yang Diberikuasa Mengendalikan Akaun Bank (Selaku Pemegang Akaun - Ketua Jabatan)	
Nama Pegawai	
Jawatan & Gred	
No. Kad Pengenalan (sertakan salinan kad pengenalan yang telah disahkan)	
Alamat Emel Rasmi	
No. Telefon	
Alamat Surat Menyurat	

(ii) Maklumat Pegawai Yang Diberikuasa Mengendalikan Akaun Bank	
Nama Pegawai	
Jawatan & Gred	
No. Kad Pengenalan (sertakan salinan kad pengenalan yang telah disahkan)	
Alamat Emel Rasmi	
No. Telefon	

Nota:

1. Template ini disediakan bertujuan untuk melancarkan proses pembukaan akaun di peringkat bank.
2. Kementerian/Jabatan diminta untuk menyenaraikan sekurang-kurangnya maklumat 2 pegawai yang akan mengendalikan akaun ini.
3. Sila kemukakan template ini sebanyak 2 salinan kepada BPOPA.